

# VERSATIL DAN PRAKTIKAL

Perodua Alza Serba Baharu gaya premium teknologi termaju



Oleh Lizam Ridzuan


[lizamridzuan@hmetro.com.my](mailto:lizamridzuan@hmetro.com.my)

Sejak diperkenalkan, Perodua Alza menjadi pilihan rakyat Malaysia yang inginkan kenderaan pelbagai guna (MPV) mampu milik bagi kegunaan harian dan pelbagai lagi.

Selepas lebih 13 tahun, akhirnya Perodua Alza Serba Baharu dilancarkan baru-baru ini oleh Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Menampilkan rekaan lebih elegan, ia dibangunkan di atas platform Seni Bina Global Baharu Daihatsu (DNGA) dengan kerjasama pereka

ALZA Serba Baharu 2022.




dan jurutera Malaysia dengan Daihatsu Motor Co, Jepun.

Melihat reka bentuk luarannya, ia datang dengan gril kemasam baharu krom dan hitam berkilat selain lampu utama LED dengan lampu membelok Sequential.

Ia juga dilengkapi lampu kabus dan lampu belakang LED selain cermin sisi lipatan automatik dengan lampu membelok.

Dimensi keseluruhan juga lebih panjang, lebar dan rendah daripada model generasi pertama dengan padanan rim aloi bersaiz 16 inci dan 15 inci (varian X).



**REKAAN** di atas platform DNGA.


## INFO

**DIMENSI ALZA SERBA BAHARU**  
**PANJANG:** 4,425 milimeter (mm)  
**LEBAR:** 1,730mm  
**TINGGI:** 1,670mm


### SISTEM BANTUAN Pemanduan (ASA 3.0):

- Kawalan jelajah Adaptif (ACC)
- Amaran Keluar Lorong (LDW)
- Pencegahan Keluar Lorong
- Kawalan Kekal Lorong (LKC)
- Pemantauan Titik Buta (BSM)

Alza Serba Baharu terima lebih 30,000 unit pratempahan sejak 23 Jun 2022




PAJAN pemuka dwitona.



SELESA dan mudah laras.

**GAYA** padanan rim 16 inci.



Ruang kabinnya menawarkan gaya lebih elegan dengan papan pemuka dwitona, sistem infotainment bersaiz sembilan inci dengan enam pembesar suara dan paparan meter bersaiz 7 inci TFT.

Sesuai sebagai MPV keluarga, ia didatangkan dengan tujuh tempat

terbaik juga ditawarkan pada model ini seperti enam beg keselamatan, Sistem Brek Anti-Kunci (ABS) dan Bantu Brek (BA), Kawalan Kestabilan Kenderaan (VSC), Kawalan Cengkaman (TRC), Bantuan Mula Bukit (HSA), Perakam Video Digital Bersepadu (DVR) dan monitor



**ELEMEN** praktikal.

duduk separuh kulit dwitona (varian AV) ciri praktikal dengan lipatan baris kedua 60:40 serta baris ketiga 50:50.

Alza Serba Baharu ini menawarkan ruang kargo daripada 137 liter sehingga 498 liter (baris ketiga dijatuhkan).

Baris ketiga juga membolehkan penumpang dewasa duduk dengan selesa majah sangat sesuai buat kanak-kanak.

Selain itu, MPV ini dilengkapi tiga port pengecas USB dan soket kuasa 12V. Roda sterengnya dibaluti kulit dengan butang fungsi audio dan mod termasuk corong penyaman udara di bahagian belakang.

Ia juga dilengkapi brek parkir elektronik dan butang penghidup serta mematikan enjin.

Perodua Alza Serba Baharu dikuasakan dengan enjin 1,496cc, 4 silinder, DOHC EFI dengan dwi VVTi.

Ia mampu menjana 104.6 kuasa kuda (hp) pada 6,000 rpm dan tork 138Nm pada 4,200rpm.

Ia juga didatangkan dengan tiga mod pemanduan iaitu Eco, Normal dan Power serta kotak gear D-CVT dwimod untuk transmisi tukaran manual gaya baharu.

Sistem keselamatan


pandangan 360 darjah dan Isofix.

Ia juga datang dengan Sistem Bantuan Pemandu Termaju (ADAS) Perodua menerusi Bantuan Keselamatan Termaju (ASA) 3.0, Bantuan Pemanduan, Bantuan Parkir dan Bantuan Lampu Hadapan.

Lima pilihan warna ditawarkan iaitu kelabu vintage, hitam elegan, merah garnet, perak glittering dan putih ivory.

Alza Serba Baharu ditawarkan menerusi tiga varian iaitu 1.5L X pada harga RM62,500, 1.5L H (RM68,000) dan 1.5L AV pada harga RM75,500.


Untuk tampil lebih sporty Perodua juga menawarkan aksesori Gear Up.



ENJIN 1.5 liter dwi VVTi.



RUANG kargo fleksibel.



CORONG penyaman udara belakang.